

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : SOALAN LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 17 MAC 2016
SOALAN :**

YB DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang panduan pemakanan terbaru dari Kementerian yang menggantikan Piramid Makanan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak ada menerbitkan panduan pemakanan terbaru bagi menggantikan Piramid Makanan Malaysia sedia ada. Satu mesyuarat telah diadakan bersama pihak berkepentingan (pakar pemakanan daripada agensi kerajaan, universiti dan badan professional) pada bulan November 2015, di mana ahli mesyuarat bersetuju bahawa Piramid Makanan Malaysia sedia ada masih relevan dan tidak perlu diubahsuai berdasarkan perkara berikut:

- Piramid Makanan Malaysia dibentuk berdasarkan saranan keperluan pengambilan nutrien seperti yang disarankan dalam *Report of a Joint WHO/FAO Expert Consultation, 2003*. Sehingga kini, tiada pindaan atau pandangan baru dari *WHO/FAO* berkaitan perkara ini dan oleh itu, ia masih relevan;

- Pembentukan piramid ini telah mengambil kira perubahan yang berlaku dalam bidang sains pemakanan di peringkat global serta corak pengambilan makanan, status pemakanan dan saranan pengambilan nutrien harian rakyat Malaysia. Piramid makanan diguna sebagai panduan diet bagi rakyat Malaysia mengenai keperluan makanan berdasarkan saiz dan bilangan sajian yang diperlukan oleh individu dalam sehari; dan
- Panduan Diet Malaysia ini telah dibentuk pada tahun 1999 dan telah disemak pada tahun 2010. Panduan ini dibentuk oleh Kumpulan Kerja Teknikal Garis Panduan Pemakanan di bawah naungan Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan Untuk Makanan dan Pemakanan yang terdiri daripada pakar-pakar pemakanan daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan, universiti, badan profesional, wakil persatuan pengguna dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.